

Tambahan \$5 sepikul Subsidi harga padi naik

BB 17 AUG 1990

Oleh AZIZ DESA dan
ZAINI ZAINUDDIN

SHAH ALAM, Khamis — Kerajaan akan menaikkan subsidi harga padi sebanyak 50 peratus menjadi \$15 sepikul memandangkan kadar sekarang sudah lama digunakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, kadar subsidi \$10 sepikul sekarang tidak lagi memadai kerana pesawah adalah golongan yang memperolehi pendapatan paling sedikit berbanding penanam getah dan kelapa sawit, yang menikmati keuntungan lumayan apabila harga bahan itu di pasaran dunia melambung tinggi.

"Ini bukanlah kerana pilihanraya tetapi kerana kerajaan memikirkan bahawa subsidi harga padi sudah lama tidak naik," katanya ketika berucap merasmikan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1990 di Taman Pertanian Malaysia, Bukit Cherakah di sini.

Pengumuman oleh Perdana Menteri itu disambut oleh tepukan gemuruh ribuan masyarakat tani dan nelayan yang berkumpul buat pertama kalinya merayakan sambutan itu di Taman Pertanian Bukit Cherakah, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Haji Mohamed Yaacob, beberapa menteri lain, timbalan menteri dan pegawai kanan kerajaan turut hadir.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kenaikan kadar subsidi itu berkuatkuasa sekarang.

Beliau bagaimanapun menegaskan, kerajaan tidak berhasrat mewujudkan masyarakat subsidi menerusi kenaikan bantuan itu "tetapi ia diberikan sebagai menghargai jasa petani."

Katanya, berikutan kenaikan subsidi itu, kerajaan akan membelanjakan kira-kira \$390 juta setahun, iaitu bertambah \$120 juta lagi daripada peruntukan \$270 juta sebelumnya.

Beliau menjelaskan, kerajaan memutuskan untuk menaikkan subsidi padi memandangkan kadar sekarang tidak pernah dinaikkan sejak lebih 10 tahun lalu.

Bercakap kepada pemberita kemu-

dian, Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai dua pilihan, iaitu sama ada menjual beras dengan harga lebih tinggi sedikit atau menaikkan subsidi padi.

"Kita tahu harga padi dikawal oleh kerajaan dan tidak pernah mengalami kenaikan. Bagaimanapun, kita berpendapat eloklah kali ini kita menaikkan subsidi padi sebanyak 50 peratus," katanya.

Ditanya sama ada kenaikan subsidi itu diputuskan dalam mesyuarat Kabinet semalam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Kabinet ada membincangkan laporan biasa mengenai prestasi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

"Laporan itu tidak pun mengemukakan sebarang cadangan. Bagaimanapun, selepas membincangkan prestasi LPN, anggota Kabinet berpendapat penanam padi perlulah diberikan bantuan," katanya.

Menurutnya, kenaikan subsidi itu tidak ada kaitan dengan pilihanraya umum, sebaliknya ia diberikan sebagai penghargaan kerajaan terhadap usaha petani selama ini.

"Memanglah apa saja yang dilakukan kerajaan sekarang akan dilihat oleh pelbagai pihak sebagai kempen pilihanraya," katanya.